



MAKLUMAT MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

SABAH PENGELUAR RUMPAI LAUT KETIGA TERBESAR DI ASIA TENGGARA

1. Malaysia (Sabah) yang terletak di kawasan Segitiga Batu Karang merupakan antara negara penyumbang kepada pengeluaran rumpai laut merah (*Rhodophyceae*) spesies *Kappaphycus* spp. dan *Eucheuma* spp. bagi penghasilan biopolimer marin iaitu **karagenan**, selepas negara **Filipina dan Indonesia**.
2. Aktiviti penanaman rumpai laut di Malaysia adalah **tertumpu di perairan negeri Sabah** dan kedua-dua spesies ini diperkenalkan secara meluas terutamanya di pantai timur perairan negeri Sabah pada tahun 1990-an.
3. Pada tahun 2016, kira-kira **206,000 tan metrik** rumpai laut (berat basah) bernilai **RM44 juta** (data borong) telah dihasilkan dan perusahaan ini menjadi sumber pendapatan kepada hampir **1,200 penternak** di kawasan pengkulturan rumpai laut di perairan negeri Sabah seperti di Semporna, Kunak, Tawau dan Lahad Datu yang berkeluasan **13,000 hektar**.
4. Di bawah Dasar Agromakanan Negara, rumpai laut telah dikenalpasti sebagai salah satu komoditi bernilai tinggi yang diberi tumpuan untuk menyumbang kepada pengeluaran ikan dan eksport negara. Atas dorongan tersebut, **EPP#3 Mini Estet dan Kluster telah diwujudkan di bawah Program NKEA-Pertanian** bagi memacu pembangunan rumpai laut berskala komersial diterajui oleh sektor swasta. Di samping itu, usaha terus dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti penternak sedia ada.
5. Sebanyak **10 syarikat peneraju** (8 di Semporna dan 2 di Kunak) telah dilantik oleh Kerajaan di bawah projek Mini Estet manakala **6 kluster** (5 di Semporna dan 1 di Tawau) telah ditubuhkan bagi menggabungkan pengusaha kecil sediaada secara berkelompok. Program ini telah Berjaya meningkatkan **pendapatan pengusaha melebihi RM1,500/sebulan** melepasi tahap

kemiskinan.

6. Seiring dengan pembangunan huluan rumpai laut, pelbagai program R&D telah dijalankan dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi (UMS), dan agensi lain seperti SIRIM dan MARDI. Kajian R&D ini mampu menghasilkan nilai tambah kepada produk rumpai laut. Antara penyelidikan yang dijalankan oleh pihak MARDI telah membuktikan bahawa Rumpai Laut Semporna adalah yang terbaik kerana mengandungi **kandungan gel karagenan yang paling berkualiti**.
7. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama SIRIM dan Jabatan Standard Malaysia turut mengeluarkan garis panduan (SOP) bagi Amalan Baik Ternakan Rumpai Laut dan sehingga kini, **lebih 50 ladang projek Kluster Lok Buton Semporna telah berjaya mendapat pensijilan MyGAP**.
8. Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) akan menganjurkan fiesta mega rumpai laut yang dikenali sebagai ***Seaweed Splash 2018*** pada hujung Mac 2018 ini bertempat di Semporna.
9. Program ini bertujuan untuk **mempromosikan industri rumpai laut di Sabah** bagi membantu **meningkatkan permintaan dan pendapatan penternak** serta membantu **meningkatkan harga** semasa rumpai laut juga perluasan **potensi pasaran tempatan dan juga eksport**. Dijangka lebih 5,000 penggiat industri ini akan berhimpun di Semporna sekaligus mempromosikan sektor pertanian setempat sebagai kawasan agro-pelancongan.

####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Tel : 012- 356 9344 (Yazeereen)

013- 631 7313 (Mohd Sharir)

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my

12 Februari 2018